

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Pengajian Undang-Undang
Sent: Sunday, February 26, 2017 4:49 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Haslida Binti Ismail
Subject: SoL Online: Universitas Batanghari, Indonesia minat bekerjasama dengan Pusat Pengajian Undang-undang, UUM



26 FEBRUARI 2017 / 29 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan



SoL Online: Pada hari ini, 26 Februari 2017, Pusat Pengajian Undang-undang telah menerima kunjungan delegasi daripada Universitas Batanghari, Jambi Indonesia seramai 17 orang kesemuanya. Pusat Pengajian amat berbangga kerana bukan sahaja Dekan dan staf daripada Universitas Batanghari yang hadir malah Rektornya sendiri iaitu H. Fachruddin Razi, SH, MH turut hadir bersama.

Kehadiran mereka disambut mesra oleh Dekan, Dr. Zainal Amin Ayub, Timbalan Dekan, Dr. Zuryati Mohamed Yusoff dan Ketua Jabatan, Dr. Mohammad Azam Hussain serta staf akademik dan pentadbiran Pusat Pengajian Undang-undang.

Kehadiran Universitas Batanghari ke Pusat Pengajian Undang-undang bukan sahaja sekadar lawatan kerja tetapi dimeriahkan dengan berlangsungnya program Diskusi Perundangan bertajuk “Undang-undang Pilihanraya di Malaysia dan Indonesia: Isu dan cabaran”. Panel jemputan dari Universitas Batanghari adalah Prof. Dr. H. Abdul Bari Azed dan Dr. M. Muslih manakala panel dari Pusat Pengajian Undang-undang adalah Dr. Zainal Amin Ayub.

Satu majlis menandatangani *Letter of Intent (LoI)* juga diadakan selepas selesai program Diskusi Perundangan pada pagi ini. Seterusnya, satu sesi perbincangan telah dibuat bagi merancang aktiviti kerjasama antara dua pihak.

Antara kerjasama yang dipersetujui adalah pelaksanaan *matching grant* dan juga penerbitan artikel bersama oleh pensyarah Universiti Batanghari dan Pusat Pengajian Undang-undang, UUM.

Pihak Pengurusan Pusat Pengajian Undang-undang merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung bagi menjayakan program lawatan dari Universiti Batanghari pada hari ini.

Tamat.

Pejabat Dekan (Dean Office)
Pusat Pengajian Undang-Undang (School of Law)
UUM College of Law, Government & International Studies (UUM COLGIS)
Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia
Tel : 04-9288101 | Faks: 04-9288107 | Email : sol@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.